

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : LISAN
- DARIPADA** : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]
- TARIKH** : 11 JUN 2015 (KHAMIS)
- SOALAN** : Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah penambahan Pasar Tani FAMA memberi impak positif kepada masyarakat dan apakah strategi FAMA bagi memperluas pasaran ke kawasan pinggir bandar agar ia dapat pula dinikmati segenap lapisan masyarakat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pasar Tani merupakan salah satu program yang dibangunkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi menyediakan ruang pasaran kepada pengeluar dalam memasarkan hasil keluaran mereka terus kepada pengguna.

Menyedari impak positif Pasar Tani kepada para pengeluar dan pengguna, maka penambahan bilangan dan kekerapan operasi Pasar Tani terus dipertingkatkan dari tahun ke setahun. Bagi tahun 2014 pembukaan Pasar Tani baru telah meningkat sebanyak 12 % kepada 577 buah iaitu pertambahan 60 buah berbanding 2013. Manakala

sehingga April 2015, sebanyak 585 buah Pasar Tani telah dibangunkan di seluruh negara melibatkan usahawan seramai 25,903 orang. Menjelang 2020, Kementerian telah mensasarkan bagi mewujudkan 1,000 Pasar Tani termasuk 65 Buah Pasar Tani Kekal dan Pasar Tani Borong baru di seluruh negara.

Antara impak kepada pertambahan Pasar Tani adalah seperti berikut :

- (i) Meningkatkan ruang pasaran hasil pertanian khususnya kepada para pengeluar seperti petani kerana kewujudan dan pertambahan pasar tani akan menyediakan ruang pemasaran alternatif yang meluas dan tambahan kepada pasaran konvensional sedia ada;
- (ii) Melahir dan meningkatkan bilangan usahawan khususnya usahawan baru dengan pertambahan pasar tani dan usahawan pemborongan di kalangan peserta Pasar Tani. Secara puratanya peningkatan peserta dari tahun 2006 hingga 2014 ialah sebanyak 13.13%. Jumlah terkumpul peserta Pasar Tani yang telah dibimbing sehingga Disember 2014 adalah berjumlah 25,607;
- (iii) Meningkatkan pendapatan usahawan tani. Daripada kajian penilaian outcome yang telah dilaksanakan oleh FAMA pada tahun 2011, pendapatan peserta Pasar Tani telah meningkat mengikut komoditi contohnya purata pendapatan usahawan yang berniaga sayur sebelum menyertai Pasar Tani adalah RM1,014 telah meningkat kepada RM2,490 sebulan selepas menyertai Pasar Tani. Peratus peningkatan adalah sebanyak 145%;
- (iv) Menawarkan harga yang munasabah kepada pengguna secara lebih meluas dengan produk yang dipasarkan berkualiti serta pada tahap kesegaran yang tinggi; dan
- (v) Selain itu, pertambahan bilangan Pasar Tani juga akan membantu menjayakan pelaksanaan program Kerajaan dalam menangani kenaikan kos sara hidup, menstabilkan bekalan serta harga di pasaran, dan sekaligus menangani isu manipulasi orang tengah.

Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah Program Jimat Belanja Dapur, Jualan Terus dari Ladang, Jualan Khas Pasar Tani Pasca Banjir dan Program Jualan Turun Harga Pasar Tani. Menerusi program ini, pengguna boleh mendapatkan keperluan bekalan seharian pada harga yang lebih rendah dari pasaran selain memberi nilai penjimatan kepada pengguna dan mendorong peruncit lain untuk mengurangkan harga jualan.

Bagi memperluaskan lagi pasaran ke kawasan pinggir bandar, selain program Pasar Tani, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah membangunkan banyak outlet peruncitan dan jualan langsung komoditi pertanian terus kepada pengguna seperti Agrobazaar Kedai Rakyat, Gerai Buah-buahan Segar (GBBS), Motosikal Tiga Roda (M3R), Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR) dan yang terkini Agrobazaar Rakyat yang kesemuanya dilaksanakan oleh FAMA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
[RAUB]**

TARIKH : 11 JUN 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 60

**DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) apakah nama syarikat yang mendapat kontrak mencuci bangunan FELDA pada kadar RM600,000 sebulan; dan
- (b) adakah kontrak ini diberi secara tender terbuka.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah melantik UDA Dayaurus Sdn Bhd bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan fasiliti Menara FELDA secara bersepadu (komprehensif). Bidang kerja berkaitan adalah menyedia dan mengurus perkhidmatan pembersihan, pencucian, penyelenggaraan luaran, operasi dan penyelenggaraan peralatan-peralatan mekanikal dan elektrik, sivil dan struktur, landskap serta kawalan serangga (*pest control*) dengan nilai kontrak sebulan sebanyak RM680,000.00.

Kontrak kerja ini dibuat secara Tawaran Sebut Harga. FELDA telah mempelawa beberapa syarikat yang berpengalaman untuk mengemukakan cadangan bagi melaksanakan pengurusan fasiliti bangunan Menara FELDA. Tiga (3) cadangan berserta sebut harga telah diperolehi dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemberian Tender Lembaga FELDA. Mesyuarat Jawatankuasa Pemberian Tender Lembaga FELDA Bil. 5 bertarikh 23 September 2013 telah memilih dan bersetuju melantik UDA Dayaurus Sdn Bhd sebagai Pengurus Fasiliti di Menara FELDA.

Sekian, terima kasih.